

01/03/1997

Panduan ganjaran khidmat lama siap

SUBANG JAYA, Jumaat - Kementerian Sumber Manusia sudah menyiapkan cadangan garis panduan mengenai kaedah pemberian ganjaran oleh majikan kepada kakitangan awam dan swasta yang lama berkhidmat.

Garis panduan itu, antara lain bertujuan menggalak pekerja supaya terus berkhidmat dan setia dengan jabatan serta syarikat masing-masing. Kertas cadangan itu sudah diedarkan kepada kementerian berkaitan dan akan dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata panduan itu disediakan berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Cadangan telah dibuat dan kita baru saja mengedarkan kepada kementerian berkaitan dan akan mengemukakannya kepada Kabinet tidak lama lagi. Kita harap Kabinet akan meluluskan cadangan itu," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Skim Kemahiran Dan Kemajuan Kerjaya Anggota Bukan Eksekutif Telekom Malaysia. Turut hadir ialah Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali dan Naib Presiden Kanan Sumber Manusia Korporat, Ibrahim Nasir.

Antara lain, kementerian itu mencadangkan pekerja yang berkhidmat selama 25 tahun diberi ganjaran sebagai penghargaan agar mereka kekal berkhidmat dan setia dengan institusi yang sama.

Menurut Lim, Garis panduan itu baik serta ringkas dan tidak membebankan atau bertindih dengan Sistem Saraan Baru yang kini dilaksanakan untuk kakitangan awam.

Bagaimanapun, beliau enggan memberi maklumat lanjut mengenai kandungan cadangan garis panduan itu dan berharap tidak ada pihak yang akan membuat sebarang spekulasi mengenainya.

"Kita perlu menunggu keputusan Kabinet yang akan membincangkan cadangan kementerian sebelum pengumuman mengenai garis panduan itu boleh dibuat," katanya.

Beliau juga memuji Telekom Malaysia kerana melaksanakan skim latihan kemahiran untuk pekerja dan berjaya mewujudkan keharmonian dalam hubungan industri yang baik antara majikan dan pekerja.

(END)